



سكوله منعه ساينس كوبري قاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU
(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)
BATU 19, JALAN KODIANG,
06000 JITRA,
KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855
No. Faks : 04-925 7844
Emel : KEA4068@moe.edu.my
Kod Sekolah : KEA 4068

Rujukan Kami : KUPSIS 600-5/1/13()

Tarikh : 23 Mac 2021

Ibu Bapa

Pelajar Tingkatan 1 dan 4 / 2021

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PROGRAM DWIBAHASA ATAU *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP)
DI SEKOLAH**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu melaksanakan Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) yang melibatkan semua murid. Pelaksanaan program ini adalah di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

3. Program ini akan melibatkan mata pelajaran Sains dan Matematik bagi menengah rendah dan Biologi, Kimia, Fizik, Matematik serta Matematik Tambahan bagi menengah atas. Proses Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran tersebut adalah dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Malaysia. Semua peperiksaan awam bagi mata pelajaran tersebut akan disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

4. Bersama-sama ini dilampirkan borang sokongan bagi mengikuti DLP untuk diisi oleh waris/penjaga dan mesti dikembalikan kepada guru kelas.

5. Kami berharap ibu bapa dapat mengambil peranan yang aktif dalam pendidikan anak-anak dengan memberi sokongan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan DLP. Kerjasama dan sokongan daripada ibu bapa amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

'PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID -19'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'STRIVING TOGETHER TOWARDS EXCELLENCE'

Saya yang menjaja.....

.....
(HAZLAH DINTI ABDULLAH@TAIB)

Penolong Kanan Pentadbiran

b/p Pengetua

SM Sains Kubang Pasu

Ruj. Kami: KUPSIS 600-5/1/13()

Ruj. Tuan:

Tarikh:

Pengetua,
SM Sains Kubang Pasu,
Batu 19, Jalan Kodiang,
06000 Jitra,
KEDAH

Tuan,

**SOKONGAN WARIS/ PENJAGA BAGI MURID UNTUK MENGIKUTI PROGRAM
DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)**

Sukacita dimaklumkan perkara di atas dirujuk.

2. Saya (nama waris/ penjaga)
No. Kad Pengenalan:, waris kepada (nama murid)
.....
Tingkatan No. Kad Pengenalan.....
bersetuju dan menyokong anak saya untuk menyertai DLP bagi sesi persekolahan tahun 2021.

3. Saya sedar bahawa anak saya perlu mengikuti program ini sepenuhnya sehingga tamat pengajian Tingkatan 5. Selaku waris/ penjaga, saya akan membantu memastikan murid memberikan komitmen yang tinggi sepanjang berlangsungnya program DLP ini.

4. Surat akuan sokongan ini saya kemukakan untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Segala perhatian, kerjasama dan jasa baik yang diberikan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang benar,

.....
Nama Waris/ Penjaga:
No. Kad Pengenalan